Perpustakaan Pengajian Melayu

PERANAN INTELEKTUAL

Usman Awang
Pramoedya Ananta Toer

HM213
Usma
1987



INSAN

KANDUNGAN

Usman Awang:
PERANAN INTELEKTUAL
Penerokaan Abad Duapuluh
Sepatah Kata
Mahasiswa Rakyat

Pramoedya Ananta Toer:
SIKAP DAN PERAN KAUM INTELEKTUAL
DI DUNIA KETIGA

Otto Rene Castillo:
Cendekiawan Tanpa Pendirian

HM213
Usma

Hakcipta : INSAN, Pengarang (1987)

Penerbit : INSAN
Institut Analisa Sosial
11 Lorong 11/4E
46200 Petaling Jaya.

Pencetak : Sun U Book Co. Sdn. Bhd.
Lot 4, Jalan 13/6A
46200 Petaling Jaya.

Perpustakaan Pengajian Melayu

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

PERANAN INTELEKTUAL[1]

Usman Awang

Bagi seorang yang seluruh hidupnya dibakar bahang matahari udara Malaya, saya benar-benar dicengkam dingin udara London. Tetapi petang ini, saya merasakan bahang udara tanahair kerana saya berada dan berbicara di depan saudara-saudara dari Malaya (dan Singapura). Saya diminta berbicara tentang Peranan Intelektual. Untuk ini, saya menjadi sedikit ragu, sebab saya kembali teringat kepada perbincangan yang pernah timbul di Malaya tidak lama dahulu tentang definisi atau istilah intelektual – siapakah manusia-manusianya yang dikatakan intelektual? Ada orang mengatakan bahawa intelektual itu ialah mereka yang berkelulusan universiti. Nampaknya, ini sudah pun menjadi definisi yang dipakai oleh masyarakat. Ada pula pihak yang mengatakan bahawa mereka yang boleh bertutur dan membaca buku-buku berbahasa Inggeris adalah intelektual. Saya bukan seorang yang terlatih dalam ilmu sosiologi untuk dapat membikin suatu rumusan tentang intelektual ini. Tetapi daripada seorang penulis, saya menganggap bahawa intelektual itu ialah:

a) orang yang punya ilmu pengetahuan dan otak (fikiran) yang sentiasa memperkembangkan ilmu pengetahuannya sesuai dengan perkembangan ilmu yang dari zaman ke zaman semakin bertambah kaya. Jadi ilmunya tidak basi dan beku;

b) orang yang sentiasa berfikir (pemikir) dan menyumbangkan dan mengembangkan ideanya;

c) orang yang mempergunakan ilmu dan ketajaman fikirannya untuk mengkaji, menganalisa, merumuskan segala perkara dalam kehidupan manusia, terutama masyarakatnya dan alamnya untuk mencari kebenaran dan menegakkan kebenaran itu;

Perpustakaan Universiti Malaya
A516913619

d) orang yang mengenal kebenaran dan berani memperjuangkan kebenaran, orang yang mengenal kebebasan dan berani memperjuangkan kebebasan, meski bagaimanapun tekanan dan ancaman yang dihadapinya, terutama sekali kebenaran, kemajuan dan kebebasan untuk rakyat.

Mereka sekadar inilah, bagi saya, orang yang dinamakan intelektual, tanpa batas dan ukuran apakah ia berasal dari sekolah pondok atau universiti. Secara mudahnya, disimpulkan bahawa pawang dan bomoh, dukun dengan segala sembur jampinya bukanlah intelektual, orang yang percaya kepada tahyul dan nasib bukan intelektual, orang yang mencari ilham dari mimpi, baik ia penulis ataupun pemimpin negara bukanlah intelektual, orang yang tidak menerima logika bukanlah intelektual.

Tetapi yang paling penting pada seseorang intelektual itu ialah sikap hidup. Sikap ini lahir dan menjelma daripada pendirian. Di manakah intelektual kita berdiri, apakah pendirian intelektual kita? Ada beberapa pertanyaan di sini:

a) apakah para intelek itu memilih atau memihak kepada kemajuan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi ataupun kepada taklid, segala kepercayaan karut dan tahyul? Umpamanya, apakah mereka memilih keperluan sebuah klinik gigi di Pulau Langkawi, Kedah, ataupun memilih perarakan menanam dua batang gigi yang diikuti dengan upacara penuh kebesaran menanam dua pokok kelapa?[2]

b) apakah para intelek itu memilih kebekuan fikiran, semangat menyerah dan jiwa hamba, sifat robot ataupun kebebasan berfikir, semangat perwira dan jiwa besar?

c) apakah para intelek membenarkan wujudnya jurang antara kaya dengan miskin, antara berilmu dengan tidak berilmu, antara kesihatan dengan penyakitan?

d) apakah para intelek membenarkan wujudnya penindasan-pemerasan oleh golongan berkuasa dan kaya ke atas yang lemah dan miskin, ataupun menentangnya? Ertinya membenarkan atau menentang penindasan dalam bentuk apa pun terhadap manusia oleh manusia.

Dalam pertentangan-pertentangan inilah kita ingin mengetahui di mana intelektual kita berdiri, di pihak mana ia berada dan mengintegrasikan dirinya. Maka pendirianlah yang menentukan sikap mereka – sikap seorang intelektual progresif atau sebaliknya.

Bagi masyarakat kita di Malaya, kawasan luar bandarlah yang paling kaya dengan penderitaan dan kemiskinan hidup, baik keperluan lahir berupa tempat tinggal, makanan, kesihatan mahupun keperluan batin berupa ilmu pengetahuan, pemikiran dan kenikmatan kesenian bernilai. Untuk ini para intelek kita perlu mengenal kehidupan yang demikian, merasakannya dengan tiap nafas dan nadi yang bergerak.

Mungkin ada di antara mereka yang akan berkata: Aku berasal dari kampung, ayahku di kampung, ibu dan keluargaku di kampung. Aku kenal kehidupan kampung.

Pengucapan dan pengakuan yang benar ini ada tetapinya, iaitu dari sudut mana kita mengenal ayah dan ibu kita, kita mengenal saudara-saudara kita di kampung, kita mengenal petani dan desanya. Dan dari nilai pandangan mana kita mengenal dan mengetahui warna lumpur sawah dan lintah, liku permatang, tajur kail, sendayan dan rumput rampainya. Dari kaca mata mana kita mengenal koyak dan tampal baju petani, gelang urat dan belulang tangannya, hitam kulit dan kerut dahinya, rokok nipah dan tembakau jawanya, periuk buruk dan belang sumbingnya, dinding tua dan atap bocornya?

Bagi setengah orang hal ini suatu perkara biasa, suatu *nature* masyarakat, suatu kehidupan yang wajar bagi petani. Pandangan ini timbul kerana mereka seolah-olah telah dibisikkan oleh naluri-nya bahawa demikianlah kehidupan di kampung dan di desa. Kerana sejak dilahirkan mereka melihat kehidupan yang sedemikian, sebagai suatu kejadian alam, seperti sungai-sungai yang mengalir, laksana gunung dan lembah yang tersedia ada.

Bagi penjajah mudah saja: Malas. Orang-orang kampung dan petani itu malas. Sebab itu mereka tidak maju, miskin dan susah hidupnya. Malaskah rakyat yang sejak subuh sehingga maghrib menjelang bertungkus lumus di pangkap pohon getah, di ladang, di sawah, di lautan, di sungai, di bukit, di mana saja alam dan daerah yang selalu setia memberikan rezeki kepada mereka?

Malaskah rakyat yang tidak dapat memajukan hidupnya, tidak sanggup memperkaya dirinya dalam sistem masyarakat yang mengizinkan penindasan, yang menghalalkan pemerasan tenaga oleh golongan terhadap golongan lain, oleh manusia ke atas manusia lain?

Kemudian kita mendengar pula sungutan dari menteri-menteri, rungutan dari wakil-wakil rakyat bahawa orang-orang kampung terlalu banyak minta tolong, bahawa orang-orang kampung mahu disuap, bahawa orang-orang kampung terlalu manja. Mereka menganggap orang kampung telah dimanjakan, kerana telah disediakan balai-balai raya, telah diberikan beberapa ekar tanah, telah diberikan baja, diberikan parang dan kapak, telah disediakan surau dan masjid. Tetapi masih minta-minta dan masih belum maju dan belum berhasil kehidupan mereka. Benarkah dengan baja, dengan beberapa ekar tanah pinggir, dengan kapak, dengan beberapa ringgit wang dan dengan balai-balai raya dan surau adalah suatu penyelesaian kepada suatu kehidupan petani dan rakyat kampung? Benarkah untuk beberapa tempat yang diberikan kemudahan menyewa traktor, sudah merupakan suatu penyelesaian bagi suatu kehidupan yang bertahun, berpuluhan tahun, malah berabad dalam kemiskinan dan penderitaannya?

Golf dan Tourist-Politik

Sementara itu kedengaran pula orang yang mengagumi tanggungjawab pak-pak menteri dan wakil-wakil rakyat yang dikatakan begitu sibuk dan penuh urusan, sentiasa mempunyai appointment, mesyuarat dan lawatan membuka mana yang tertutup, menutup mana yang dibuka. Maka kerana ini perlulah dibina suatu kompleks golf (tentu saja di ibu kota, kerana di sini berkumpul orang-orang yang berkenaan) sebagai riadah mengurangkan lemak dan menahan perut daripada membusut jantan. Padang golf juga diperlukan menjadi tempat sidang politik bagi para tourist-politik. Perlulah juga diamalkan selalu minat bermain poker untuk mempertajam mata yang mulai kelabu dan mengasah otak untuk mempertinggi I.Qnya, di samping merehatkan fikiran yang dianggap kononnya begitu banyak memikirkan "soal-soal negara".

Kesibukan-kesibukan seperti ini, baik pak-pak menteri atau pemimpin-pemimpin, dianggap sebagai suatu kesibukan tugasnya, dan dalam konteks inilah pula orang membikin ukuran antara apa yang dikatakan 'kemalasan' orang kampung dengan 'kesibukan dan kerajinan' orang bandar dan tokoh-tokoh pemimpin. Jika dikemukakan pertanyaan: Mengapakah ladang-ladang getah yang besar-besar, lombong-lombong yang terbaik, tanah-tanah yang subur ribuan ekar jumlahnya, masih dan perlu dimiliki oleh bekas-bekas penjajah, oleh pemodal-pemodal dari Inggeris dan Amerika serta taukeh-taukeh besar? Kenapa ia bukan menjadi milik rakyat yang hidupnya, titis peluhnya, darah dan nafasnya bekerja setengah mati di buminya sendiri? Mengapakah negara dan bangsa kita yang kita katakan merdeka ini masih perlu menggantungkan "keselamatan dan keamanan" kepada orang lain yang 8,000 batu jauhnya?

Lihatlah pula soal pelajaran, soal sekolah yang kita banggakan dengan nama *sekolah kebangsaan,* soal bahasa yang kita junjung sebagai *Bahasa Kebangsaan* dan *bahasa resmi.* Pelajaran dan bahasa Inggeris masih menjadi dewa yang ikut menentukan berisi tidaknya periuk nasi kita. Lihatlah pula betapa rapuhnya nilai-nilai sosial kita sehingga kepada soal pakaian pun ditentukan corak dan fesyennya oleh Barat. Hari ini mini skirt dipakai di Barat, esok sudah menyarungi ponggong gadis-gadis Kuala Lumpur. Hari ini kumpulan Beatles di cermin televisyen, esok muncul penyanyi-penyanyi berambut panjang mengisi udara Singapura dan Kuala Lumpur dengan gema gitar rancaknya. Dan lebih ironinya, sistem 'Board of Governors' yang oleh England sendiri ditolak kerana tidak sesuai lagi, Malaya memungutnya dan mengamalkannya, seperti halnya membeli helikopter dan kapal-kapal terbang buruk yang tidak digunakan lagi oleh Inggeris.

Saudara-saudara, di manakah keperibadian kita, identiti suatu bangsa dan negara merdeka?

Demikian banyaknya kenyataan-kenyataan kehidupan rakyat yang menuntut perhatian dan pembelaan. Maka di sinilah letaknya peranan intelektual untuk mengenal masyarakatnya, bukan daripada kacamata penjajah, tidak dari kacamata pemimpin dan menteri, malah tidak dari kacamata rakyat itu sendiri,

sebab sebahagian besar rakyat – disebabkan oleh beberapa pengaruh dan kepercayaan – telah menerima kenyataan hidup ini sebagai suatu yang wajar dan takdir semata. Peranan intelektual ialah mengenal masyarakat dan sistemnya dengan sedalam-dalamnya, melihat dengan sikap kritis segala sebab dan akibat. Jadi pergi ke desa, bukan sebagai *tourist* menyedut udara bersih dan menikmati pandangan alam atau mencari buah-buahan di musim durian dan rambutan tetapi menyoroti desa dan kampung sehingga ke dasar lumpur sawah, ke balik tungku dan dapur yang dingin, ke dasar belanga sumbing, periuk kosong dan pembuluh-pembuluh darah anak-anak yang berisi kuman malaria. Untuk ini hanya ada suatu jalan saja, iaitu mengintegrasikan diri dengan kehidupan rakyat itu sendiri, mengenal harapan dan cita-citanya, menyerapkan duka laranya, bernafas dan bercakap dengan nafas dan bahasa rakyat.

Keinginan Popular dan Jiwa Borjuis

Tetapi dalam negara yang pernah terjajah, dalam masyarakat yang berkelas berkasta, golongan intelektual pada umumnya merupakan golongan yang tersendiri, yang terpisah dan terpencil dari rakyat. Cara hidup, sikap dan bahasa mereka berlainan. Mereka mempunyai banyak idea dan teori, tetapi umumnya tidak mempunyai kesanggupan dan kemampuan untuk mempraktikkannya. Setengah-setengah mereka memasuki parti politik dengan niat dan cita-cita untuk memberikan khidmatnya kepada rakyat dan juga untuk mengubah dari dalam haluan dan corak parti politik yang dimasukinya itu. Tetapi apabila ia tidak berjaya mengubah keadaan dan corak parti politik itu – ertinya tidak berjaya memegang pimpinan – maka bukan saja ia terjepit, tetapi juga menyebabkan ia jadi frust – terjepit dan frust – sama ada ia mematuhi pimpinan (golongan tua) dan sistem serta peraturan dalam parti politik itu ataupun menentang, yang bererti akan tercampak keluar. Di sinilah terbuktinya bahawa soal sikap dan pendirian adalah penting, lebih penting dari soal intelek.

Sebahagian lagi intelek yang frust ini ialah kerana mereka menjadi manusia yang serba salah, mempunyai konflik yang sukar

diatasinya. Ia merasa sukar dan kurang sanggup untuk bergaul dan turun ke tanah rakyat kerana di bawah sedarnya ia mencemuh rakyat dan kehidupannya oleh sikap dan jiwa borjuis yang tidak dapat dilepaskannya. Tetapi sementara itu ia pula mempunyai keinginan yang besar untuk jadi popular di kalangan rakyat. Sebaliknya ia berasa kurang mampu pula untuk pergi dan menggauli golongan atasan sebab ia dari kelas menengah yang tidak dapat memperuntukkan wang bagi keperluan mengongkosi golf club, Lake club dan kehidupan sosial golongan elit yang istimewa.

Intelektual seperti ini tidak mungkin dapat diserahkan atau diminta peranannya dan sumbangannya kepada masyarakat. Seperti juga halnya dengan pemimpin; kita harus melihat pemimpin seperti manakah yang kita harapkan memimpin bangsa dan negara; seperti juga halnya dengan penulis; penulis bagaimanakah yang kita harapkan karya-karyanya. Dan demikianlah para intelektual.

Ada orang yang memberikan contoh bahawa jika seseorang itu rajin dan tekun, giat berusaha, biar dari kampung yang terpencil, dari hulu dan daerah pedalaman, maka ia akan beroleh kejayaan akhirnya. Maka dikemukannya contoh-contoh seperti Lincoln di Amerika yang berasal dari anak seorang pemotong kayu yang miskin, diberikannya contoh dari Melaka dan Kedah betapa seorang guru sekolah Melayu akhirnya menjadi pemimpin politik dan menteri yang berpengaruh, betapa seorang Sukarno menjadi seorang pemimpin berkaliber besar, betapa seorang Gamal Nasir menjadi pemimpin yang disayangi rakyat. Dengan alasan ini disimpulkannya bahawa *kemiskinan* bukanlah sebab kemunduran. Sepintas lalu memang ada kebenarannya, tetapi ini terlalu bersifat individu, sedangkan yang menjadi soal bagi kita ialah masyarakat golongan terbanyak, soal sistem yang menjadi rantai kehidupan masyarakat. Memang benar contoh tersebut dilihat dari segi individu, kerana dalam sesuatu masa, dalam bilangan sejuta atau sepuluh juta atau seratus juta memang ada satu atau dua orang yang muncul dan timbul sebagaimana nama-nama contoh yang disebutkan tadi. Tetapi betapa halnya dengan sejuta atau sepuluh juta atau seratus juta yang lain?

Seorang Berjaya, Sejuta Keciwa

Ada juga orang mengatakan bahawa petani dan orang kampung bukan saja malas bekerja dan berusaha tetapi juga malas berfikir. Betapakah orang-orang kampung, petani dan anak-anak mudanya akan berfikir, jika mereka tak mampu mempunyai majalah dan selalu sibuk dengan soal mencari sesuap nasi? Betapa dari daerah itu terdapat anak-anak tani yang ke sekolah menengah, apalagi ke universiti? Dan kalau ada seorang atau dua orang daripada mereka yang dapat ke sekolah menengah dan lepas ke universiti bukanlah mutlak kerana kerajinan dan ketekunan, tetapi oleh suatu nasib di mana ia terlepas dari ikatan dan sistem yang mencerutinya. Sebab berapa banyak yang rajin belajar, rajin bekerja, tekun berusaha, tetapi di depannya, di kelilingnya begitu banyak halangan dan hadangan sistem masyarakatnya?

Logiknya jika kita menerima ukuran mutlak tentang kerajinan semata, maka dengan sendirinya kita mengakui bahawa yang rajin itu hanya dua tiga orang saja. Ini memberi erti bahawa seratus ribu anak Melaka, seratus ribu anak Kedah yang lain malas belaka sebab mereka tidak menjadi menteri atau pemimpin.

Jadi yang perlu dikemukakan bukan contoh yang perseorangan, tetapi contoh suatu masyarakat. Apakah keadaan masyarakat, susunan dan sistemnya itu mendorong orang untuk maju dan berilmu, ataupun menyekat dan menghalang? Apakah masyarakat itu mendorong kebebasan orang berfikir, kebebasan bersuara ataupun sebaliknya. Apabila kita terlalu menonjol-nonjolkan dan membangga-banggakan kejayaan perseorangan, dengan sendirinya kita melupakan ketinggalan dan kegagalan beratus ribu yang lain. Bila kita terlalu memikirkan kejayaan diri tanpa sedikit pun memikirkan keadaan masyarakat, maka inilah yang menyebabkan orang menjadi terlalu individualistik, tak kira apa yang terjadi pada orang lain asalkan dia boleh maju dan jaya.

Kita ambil perbandingan anak-anak ayam yang baru menetas dari berbelas biji telur yang diramkan oleh ibunya. Jika kehidupan anak-anak ayam itu dalam suatu daerah terbuka di mana binatang-binatang buas, lang, biawak, musang (kadang-kadang musang itu berbulu ayam) banyak berkeliaran, maka barangkali

seekor dua saja anak-anak ayam itu yang dapat hidup dan besar, yang bernasib baik terlepas dari 'sistem' terbuka dan terdedah, di mana siapa kuat, siapa berkuasa, siapa besar dihalalkan dan dibolehkan oleh sistemnya menekan yang lemah, menindas yang kurus dan menelan yang kecil. Tetapi jika anak-anak ayam yang menetas itu dikawal dan dipelihara secara baik dan sempurna dalam suatu 'sistem' yang menyekat wujudnya dan terlaksananya penelanan dan penekanan secara sewenang-wenangnya maka anak-anak ayam itu semuanya hidup dan jadi besar.

Perbandingan ini menunjukkan bahawa soal suasana, *environment*, dan sistem adalah penting. Bukan soal malas dan rajin yang menjadi soal pokok, bukan soal individu dalam masyarakat, tetapi sebaliknya soal masyarakat itu sendiri; apakah masyarakat itu, suasana dan sistemnya mendorong orang untuk maju dan berilmu, ataupun mendorong orang untuk menjadi penindas dan pemeras dan saling menekan, apakah sistem dan suasana masyarakat itu menjadikan orang bersifat individualistik ataupun membina semangat tolong-menolong dan gotong-royong.

Dalam sistem yang menggalakkan persaingan terbuka dengan sistem yang terkawal, umpamanya dalam ekonomi Malaya, mana yang lebih baik? Kenapa diperlukan sistem atau undang-undang mengawal peniaga-peniaga Melayu, peniaga-peniaga bumiputera, dan kenapa tidak dibiarkan pertandingan terbuka, dibiarkan dalam persaingannya dengan peniaga-peniaga bukan Melayu dan bukan bumiputera?

Dalam melihat dan mengukur kemajuan bangsa dan masyarakat, soal individu tidak dapat dijadikan ukuran. Adalah aneh dan tolol untuk mencipta 10 atau 12 orang Melayu atau bumiputera menjadi jutawan sebagai bukti dan untuk mengatakan bahawa orang Melayu telah kaya raya. Dalam suatu sistem masyarakat yang memenangkan golongan kecil, individu tidak akan berkembang.

Atas Nama Undang-undang, Merompak Rakyat

Kita hanya boleh menyalahkan apabila seseorang yang mendapat semua kesempatan, peluang, bantuan dan segala kemudahan,

yang ternyata tidak dapat memajukan dirinya. Mereka ini kita persalahkan kerana ia benar-benar malas. Dan biasanya mereka yang mendapat kesempatan, yang memperoleh banyak peluang, yang diberikan segala kemudahan ini ialah anak-anak hartawan, anak datuk-datuk, anak-anak orang kenamaan dan suku sakat keturunan berdarjat, yang menganggap darahnya berlainan warna dengan darah orang biasa.

Barangkali saya agak menyimpang dari pokok soal yang dibicarakan. Tetapi contoh dan persoalan yang dikemukakan ini saya lihat dari konteks masyarakat kita hari ini sehingga dengan demikian ia berdiri sesuatu batu tanda di mana peranan intelektual dapat dimainkan.

Dan alangkah banyaknya kenyataan-kenyataan yang tersembunyi, yang tertutup dari pandangan mata lahir, tekanan dan penindasan oleh golongan kecil yang berkuasa, yang berpengaruh, yang mempunyai wang atas nama undang-undang merompak rakyat terbanyak.

Beberapa contoh dapat dikemukakan betapa suara dan peranan intelektual yang sedar telah berhasil membongkar keburukan dan mendedahkan penindasan yang tak ketara, yang tersembunyi di balik undang-undang dan peraturan-peraturan yang memang dibuat dan disediakan untuk kepentingan golongan kecil yang istimewa, berkuasa dan berpengaruh.

Peristiwa penubuhan Universiti Kebangsaan adalah contoh yang jelas kerana ia dilatarbelakangkan oleh inisiatif dari golongan intelektual. Mereka secara praktikal mengadakan pertemuan bersejarah seramai lima puluh orang di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 25 Ogos 1968. Berikutnya terbentuk sebuah Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan yang sesudah membikin kempen kepada rakyat, lalu mengadakan Kongres Universiti Kebangsaan pada 15 Mac 1969. Setahun sesudah kongres itu Universiti Kebangsaan telah memulakan kuliahnya.

Contoh lain tentang kegiatan dan peranan intelektual kepada masyarakat ialah peristiwa petani Teluk Gong. Wakil dari intelektual ini bukan saja berusaha menemui petani dan pihak kerajaan, tetapi juga telah pergi ke Penjara Pudu, menemui pemimpin-pemimpin petani yang ditahan di Penjara Pudu tanpa pembicaraan

secara adil di mahkamah. Meskipun penyelesaian tanah petani-petani yang meneroka tanah Teluk Gong itu tidak seratus peratus memuaskan, tetapi sebahagian besar petani-petani itu akhirnya berhasil memiliki tanah, walaupun dalam jumlah yang belum mencukupi untuk keperluan kehidupan mereka.

Tidak lama kemudian soal tanah — soal nyawa bagi petani — timbul lagi di Binjai Patah, Mukim Sungai Panjang, Sabak Bernam, Selangor. Kira-kira 1,500 orang petani dalam waktu yang singkat dengan hanya beralatkan parang dan kapak telah meneroka hutan di Binjai Patah seluas lebih 1,800 ekar. Kali ini peristiwa tindakan balas kerajaan seperti di Teluk Gong berulang lagi, malah lebih keras dan kejam. Pemimpin petani-petani tersebut ditangkap dan ditahan di Penjara Pudu. Kawasan penerokaan petani-petani yang enggan keluar dari tanahnya itu dikepung oleh alat-alat negara yang lengkap dengan senjata. Pondok-pondok dan bangsal yang didirikan diruntuhkan, bahkan dibakar hingga hangus. Periuk belanga dimusnahkan, barang-barang makanan seperti beras, ikan kering dan ubi dimusnahkan. Apabila petani-petani itu masih tidak juga mahu keluar dari kawasan yang telah diterokanya, diisytiharkan perintah berkurung 24 jam, tidak dibenarkan siapa pun masuk dan bahan-bahan makanan disekat. Tiga hari petani-petani itu bertahan di tanah yang menjadi nyawa mereka, berembun, berhujan dan berlapar, sehingga sebiji pisang muda, dikerat tiga, dibagi seorang sekerat, sebagai makanan akhir mereka. (Ingatkah pepatah nenek moyang: pisang sesikat sayur sebelanga, tanda muafakat makan bersama?)

Peristiwa ini, malangnya, hanya disuarakan oleh sebahagian mahasiswa universiti. Mereka mengadakan kutipan derma wang, dan kempen yang berupa ceramah di kampus. Hanya itulah suara dan tindakan yang kita dengar dan tidak ada intelektual, secara kolektif, bersuara dan bertindak sesuatu. Kira-kira 90 orang petani telah ditangkap dan setengah daripada mereka sekarang ini menunggu hari perbicaraannya. Sedang pemimpin petani tersebut telah ditahan di bawah kuatkuasa Undang-undang Keselamatan Umum, dan kini berada di tempat tahanan Muar, Johor.

Peristiwa 13 Mei telah menggegarkan seluruh tiang dan sendi masyarakat kita. Tiap orang membuka matanya berikutan dengan

kejadian 13 Mei. Pemimpin dan tokoh besar dalam semua lapangan masyarakat mencuba menilai kembali pimpinan dan ketokohan mereka. Berusaha membetulkan, tetapi seperti nenek yang menampal dan menjahit baju buruknya yang koyak. Sayangnya dan yang mendukacitakan ialah kebangkitan 13 Mei ini tidak menuju pada sasaran yang tepat, sehingga harganya dibayar sendiri dengan mahalnya oleh rakyat yang berbilang keturunan bangsa. Di sini mata kita beralih kepada intelektual, bertanya: apa dan di mana peranan mereka? Apakah mereka memihak kepada kekuasaan politik golongan feudal dan taukeh bibir berlemak yang mempergunakan emosi keturunan rakyat, ataupun kepada rakyat terbanyak tanpa ukuran keturunan bangsanya.

Ternyata peranan intelektual tidak ada jalan tengah. Jika ada jalan tengah, maka ia membawa kepada dunia awang-awang, ruang kosong antara langit dan bumi, seperti kapal angkasa yang tidak mempunyai kuasa atomnya, terapung antara tarikan kuasa bumi dan bulan. Akhirnya ia terbakar sendiri.

Perlu dijelaskan bahawa maksud *peranan Intelektual* bukan bererti *pimpinan intelektual.* Konsep bahawa intelektuallah yang mengubah masyarakat, bahawa intelektuallah dengan sendirinya jadi pemimpin, saya kata tidak tepat. Sejarah perubahan sesuatu masyarakat dan negara bukan kerana pimpinan dan perjuangan intelektual, tetapi lahir dan timbul dari masyarakat dan perjuangan rakyat itu sendiri, kaum taninya dan kaum buruhnya. Intelektual — oleh keadaan dan bilangannya — tidak mungkin memulakan suatu revolusi, tetapi rakyatlah memulakannya. Hapusnya perhambaan bukan kerana perjuangan intelektual, tetapi kerana kesedaran hamba abdi itu sendiri, dan daripada merekalah lahir pemimpin yang memutuskan rantai yang membelenggui mereka.

Idea dan teori biasanya memang daripada intelektual, malah diperlukan sekali golongan intelektual. Tetapi mereka bukanlah pemegang peranan utama sebagai peneroka dan pencetus tindakan. Dan apabila ada intelektual yang mempelopori perjuangan dan memegang peranan utama, ia pastilah lahir dan timbul di kalangan rakyat, dari tengah-tengah rakyat, kerana intelektual itu telah mengintegrasikan dirinya dengan rakyat.

RUJUKAN

[1] Ceramah kepada pelajar-pelajar Malaya dan Singapura di Malaysia Hall, London, anjuran London Union of Malaysian Students (LUMS), pada 25 Mei 1970.

[2] Menurut lapuran akhbar masa itu, ketika melawat Langkawi, Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman sakit gigi dan dua batang giginya dicabut. Maka suatu upacara diadakan untuk menanam dua batang gigi Perdana Menteri dan di tempat itu ditanam dua pohon kelapa dalam suatu upacara besar-besaran!

PENEROKAAN ABAD DUAPULUH

Penerokaan abad duapuluh
Bukan ke bulan menjelajahi angkasa
Tapi petani-petani tercinta di tanahair kami
Dengan berani mengambil miliknya sendiri.

Atas nama kemanusiaan dan rakyat tertindas
Pondok-pondok dibangunkan hutan direbahkan
Tanpa pidato dan guntingan pita.

(Mereka pernah menyaksikan kemuliaan hati
Penyerahan pulau yang bukan milik pemberi dan penerima
Di bawah kibaran megah panji-panji merdeka).

Tajam-tajam tangan dari undang-undang
Memusnahkan pondok dan menangkapi mereka
Petani abad duapuluh yang berani meneroka.

Kuala Lumpur,
Oktober 1967

Usman Awang

SEPATAH KATA

Sebuah perkataan yang paling ditakuti
Yang tradisional sekali
Untuk bangsa kita yang pemalu.

Sekarang kata ini kuajarkan pada anakku:
Kau harus jadi manusia kurangajar
Untuk tidak mewarisi malu ayahmu.

Lihat petani-petani yang kurangajar
Memiliki tanah dengan caranya
Sebelumnya mereka tak punya apa
Kerana ajaran malu dari bangsanya.

Suatu bangsa tidak menjadi besar
Tanpa memiliki sifat kurangajar.

Kuala Lumpur, Oktober 1967 Usman Awang

MAHASISWA RAKYAT

Dengan buku di tangan kau nyanyikan lagu itu
Meresap pada jantung bangsa
Lagu daerah Teluk Gong.

Dari ruang sudut pidato
Pecahlah kaca menara gading
Kau belah jalanraya kota
Dengan berani berteriak
Untuk petani-petani yang tertindas.

Lihat pancar mata ayahmu di desa
Lihat senyum ibumu di kampung
Kebanggaan bahwa kau anak mereka.

Dari catatan hati
'Speakers' Corner', 21 Oktober, 1967 Usman Awang.



Usman Awang



Pramoedya Ananta Toer

SIKAP DAN PERAN KAUM INTELEKTUAL DI DUNIA KETIGA*

Pramoedya Ananta Toer

Dunia Ketiga

Dunia Ketiga adalah belahan umat manusia yang setelah Perang Dunia II bersama dengan negerinya terbebas dari penjajahan Barat. Dengan Barat dimaksudkan juga Jepun. Penjajahan Barat diawali oleh pemburuan akan rempah-rempah Nusantara, terutama Maluku, dikembangkan melalui pengacak-acakan (kacau-bilau) seluruh dunia non-Barat, untuk dapat membawa segala yang berharga ke dunia Barat. Yang teracak-acak bukan saja mengalami perkosaan pelembagaan budaya, lebih dari itu adalah pemiskinan yang sistematis. Pada pihak lain Barat semakin membengkak dengan kemajuan, kekuasaan, keilmuan dan teknologi dengan bangsa-bangsa jajahan sebagai landasan percobaan. Doktrin-doktrin yang membenarkan penjajahan dilahirkan di Barat yang semua merugikan pihak bangsa-bangsa yang dijajah.

Kita menyaksikan lahir dan berkembangnya imperium (*empayar*) dunia: Portugis dan Spanyol yang dibangun di atas perampasan emas dan perak, Inggeris yang dibangun di atas monopoli tekstil dan candu serta perbudakan (perhambaan), dan Belanda yang dibangun di atas monopoli rempah-rempah.

Sebahagian terbesar umat manusia telah dijajah oleh Barat, yang dalam jumlah nisbah jauh lebih kecil, namun bagaimanapun pokok utama yang menyebabkan nasib buruk bangsa-bangsa jajahan itu adalah ketidakmampuan budaya menghadapi ekspansi kegiatan dagang Barat. Dalam hal ini, dikecualikan Portugis dan Spanyol. Tapi pada keseluruhannya, terjadi sebagaimana dikatakan oleh Chiang Kai-shek, bahwa: tidak ada sesuatu bangsa bisa dijajah oleh bangsa lain tanpa bantuan bangsa itu sendiri.

Produk (Kesan) penjajahan atas Dunia Ketiga secara budaya

adalah: mentalitas bangsa jajahan yang belum tentu dapat hilang setelah tiga generasi bangsa itu hidup dalam alam kemerdekaan politik, kerana mentalitas bangsa yang dikalahkan berabad akan melahirkan kebudayaan bangsa kalah demi survivalnya sebagai bangsa kalah.

Tragedi pada Dunia Ketiga dengan kemerdekaan nasionalnya masing-masing terletak pada tidak atau kurang disedarinya kenyataan bahwa mereka masih hidup dan bernafas dengan kebudayaan bangsa kalah, dan mentalitasnya.

Produk jajahan atas Dunia Ketiga secara budaya pada pihak penjajah adalah: Demokrasi Parlementer, Hak-hak Asasi, yang dua-duanya memberi jaminan pada setiap individu untuk tumbuh menjadi kuat untuk dan atas namanya sendiri. Sedang pengalaman penjajahan berabad membentuk mentalitas sebagai bangsa unggul dan penakluk, yang juga tidak mudah hapus dalam tiga generasi, setelah bangsa-bangsa itu kehilangan jajahannya.

Apabila Dunia Ketiga dalam upayanya mengembalikan harga diri banyak berlindung pada apa yang mereka namai *kebudayaan asli* dan banyak kala tidak mengindahkan sumber sosial historisnya, malah tidak jarang menjualnya untuk pariwisata (pelancungan), dan bukan tanpa *kebanggaan nasional – kebudayaan asli* yang terbukti secara sistem dan organisasi telah dikalahkan berabad.

Pada Dunia Barat dengan mentalitasnya sebagai bangsa unggul dan penakluk sampai dengan tahun delapan puluhan abad ini masih juga memproduksikan pandangannya yang menganggap Dunia Ketiga sebagai keanehan hanya kerana tidak sama dengan dirinya, hanya kerana perbedaan standar (taraf) yang sulit mereka sedari, dan kerana standar satu-satunya yang mereka kenal adalah miliknya. Contoh terakhir misalnya buku C.J. Koch *The Year of Living Dangerously* (terbitan Sphere Books United, London, 1981). Malah suatu gejala biasa bila Barat tidak mau mengerti bahwa semua keterbelakangan (kemunduran) di Dunia Ketiga tidak lain daripada ulah (tindakan) dunia Barat itu sendiri.

Penjajahan atas dunia non-Barat diawali oleh perlumbaan mendapatkan rempah-rempah Nusantara, terutama Maluku. Entah kerana kebetulan, entah kerana rancangan sejarah, secara teori,

Nusantara pula yang mengawali putusnya penjajahan internasional sebagai tempat *di mana mata rantai imperialisme dunia paling lemah* dengan lahirnya Republik Indonesia pada 17 Agustus 1945. Beberapa hari setelah itu menyusul Vietnam. Sekali mata rantai putus, kejatuhan mata rantai-mata rantai yang lain. Dari Indonesia ke daratan Asia merambat ke Africa, kemudian ke benua Amerika Latin.

Semua itu terjadi kerana faktor keberhasilan dari Indonesia dan Vietnam sebagai percubaan sejarah. Imperium Inggeris, yang kepayahan keluar dari Perang Dunia II dan mendapat pengalaman yang tidak menyenangkan di Indonesia, melepaskan dadanya dengan jalan damai untuk tidak menjadi payah lagi. Sebaliknya Indonesia, yang kerana rempah-rempahnya membikin sebahagian terbesar umat manusia dijajah Barat, menyedari tugas sejarahnya dengan mengadakan *Afro-Asian Conference* di Bandung pada April 1955. Soekarno, seorang yang bukan saja menguasai, bahkan memahami sejarah bangsanya, bukan sekadar tahu tentang materi (isi) dan metode keilmuan sejarah, malah memahami filsafat sejarah, dengan pidato anti-imperialismenya *Let A New Asia and Africa Be Born* telah mengangkatnya menjadi Bapak Dunia Ketiga. Orang suka atau tidak suka, mengakui atau tidak. Dengan *Afro-Asian Conference,* kekuasaan dan imbangan dunia berubah, bergerak kerana lahirnya Dunia Ketiga. Menyebut Dunia Ketiga bererti juga menghadapi dunia Barat dengan sejarah penjajahannya sebagai guru musuh atau sahabat. Menyebut Dunia Ketiga tanpa konteks tersebut, adalah menempatkan sebahagian terbesar umat manusia dengan negerinya sebagai persoalan fiktif. *Dunia Ketiga tak lain dari anak tak sah imperialisme Barat.*

Bapak tidak sah dan anak tidak sah, yang dalam pergaulan internasional tidak bisa berpisahan satu sama lain mempunyai posisi internasional yang berbeza, pertempuhan dan paran (destinasi) yang berbeza pula dalam jangka waktu tertentu yang dibutuhkan (diperlukan) oleh Dunia Ketiga dalam mendapatkan bentuknya masing-masing. Dan dalam jangka waktu tertentu itu, sekarang kita higup, maka kerana itu juga dapat menyaksikan sendiri sikap Dunia Ketiga terhadap Barat dan sikap Barat terhadap Dunia Ketiga.

Sikap dunia Barat dapat kita ikuti dari penerbitan-penerbitannya tentang Dunia Ketiga, dengan catatan, bahwa sikap itu belum sikap umum Barat, baru sikap satu golongan yang merasa maju, dan mencuba membeberkan kekurangan-kekurangan Dunia Ketiga kerana belum sampai pada standar yang dimiliki Barat, dan *nota bene* (perhatikan) tidak lain dari warisan penjajahan Barat sendiri, di samping memperkenalkan produk Dunia Ketiga yang patut diperkenalkan kepada Barat sebagai bukti produktifnya pengaruh Barat. Belakangan ini muncul rumusan baru tentang Utara-Selatan untuk tidak menyebutkan kata-kata menyakitkan: kaya-miskin. Sebelum yang terakhir ini, Dunia Ketiga diberi nama manis: negeri/negara yang sedang berkembang (*membangun*). Semua itu untuk menghindari persoalan nurani antara bekas jajahan dan bekas penjajah. Nama-nama yang lentur (lunak) dan dilenturkan ini tak lain dari suatu persetujuan tak terucapkan bahwa Dunia Ketiga berterima kasih pada bantuan yang menguntungkan dari Barat, sebaliknya Barat dengan bantuannya pada Dunia Ketiga mendapat keuntungan lebih besar lagi. Di sini kita sekarang berada.

Kaum Intelektual

Apa yang dimaksudkan dengan kaum intelektual bagi saya kurang jelas apakah menurut pengertian kamus ataukah menurut pendapat bebas dari setiap orang yang mempunyai kepentingan dengan kata tersebut. Apakah sarjana termasuk intelektual? Apakah setiap orang di antara kita intelektual atau tidak? Apakah kata intelektual itu satu atribut (sifat) dari sebahagian kecil nasion yang merasa diri berpikir lebih daripada bagian selebihnya?

Kata Sahibul Hikayat yang dimaksudkan dengan kaum intelektual adalah kaum yang menempatkan nalar (pertimbangan akal) sebagai kemampuan pertama yang diutamakan, yang melihat tujuan akhir upaya manusia dalam memahami kebenarannya dengan penalarannya. *Stop*, Sampai di situ. Pada akhir perang dunia II, ada yang menggugat: bila sampai di situ saja faal (perbuatan) kaum intelektual ertinya penalarannya belum sampai pada suatu tanggungjawab terhadap diri sendiri dan lingkungannya, terutama pada umat manusia. Kemudian orang menamai kaum

intelektual hanya sebagai sport, tanpa keterlibatan diri dengan penalarannya sendiri sebagai: intelektual blanko (kosong). Sehubungan dengan topik yang dikemukakan oleh Senat Mahasiswa FISUI jelas bukan intelektual blanko yang dimaksudkannya, tetapi yang merupakan bagian integral dengan nasionnya sendiri, bagian bernalar nasionnya yang bukan hanya mendapatkan *in-put* dari nasionnya juga memberikan *out-put* padanya.

Tetapi dalam kehidupan Dunia Ketiga pada umumnya dan di Indonesia khususnya, di mana semua mulai diawali, dibangun dan dikembangkan seirama dengan keperluan nasional faal kaum intelektual bukan sekedar mesin yang menari antara *in-* dan *out-put*. Pada mereka dituntut kejelian (keelokan) kepiawaiannya untuk dapat melihat peran dari perkembangan nasional, yang bererti juga kemampuan untuk melihat hari depan. Dan hari depan hanya dapat digalang dengan perhitungan dan amal hari ini. Penalarannya menggunakan reflektor yang tertuju ke depan, bukan tertuju ke belakang sebagai mana dalam kebudayaan purba, kebudayaan animis, dinamis dan pemujaan leluhur, kebudayaan kuburan.

Sebaliknya, kaum intelektual bukan sekedar bagian dari nasionnya. Iapun nurani nasionnya, kerana bukan saja dalam dirinya terdapat gudang ilmu dan pengetahuan, terutama pengalaman nasionnya, juga ia dengan isi gudangnya dapat memilih yang baik dan yang terbaik untuk dikembangkan, memiliki dasar dan alasan paling kuat untuk menjadi resolut (tegas) dalam memutuskannya atau tidak.

Hinduisme telah membagi masyarakat dalam kasta-kasta, yang relevansinya masih terasa. Kaum intelektual berada dalam kasta Brahmin. Hanya bezanya kaum Brahmin moden menempati kedudukan sebagai jambatan pada hari depan. Saya cenderung untuk menempatkan kaum intelektual Indonesia dan Dunia Ketiga dalam pengertian ini.

Sikap dan Peran

Bicara tentang sikap adalah bicara tentang tempat berdiri, bicara tentang tempat berdiri adalah juga bicara tentang jarak yang telah ditempuh. Tempat berdiri pada gilirannya hanyalah

A5169136 19

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

bagian dan medan yang tak terbatas. Dari tempat berdiri orang menghadapi jarak yang masih harus ditempuh. Sikap adalah faktor dalam yang akan menentukan bagaimana jarak di depan *akan* ditempuh. *Akan* dalam kamus politik diucapkan: *bagaimana sebaiknya*, kerana itu soal operasional.

Berdasarkan materi (bahan) yang telah dikedepankan, sikap yang sepatutnya diambil:

a) meninggikan sama sekali budaya kuburan dan mengambil penalaran sebagai satu-satunya jalan membina hari depan, dan dengan demikian secara aktif membangun budaya nasional yang moden.

b) tetap kritis terhadap potensi pengaruh budaya suku yang kalah dan mengajak kalah.

c) berlatih berani untuk mendapatkan keberanian intelektual kerana tanpa keberanian intelektual, kaum intelektual sudah lumpuh sebelum memutuskan. Sejalan dengan lahirnya bangsa Indonesia hanya kerana keberanian revolusioner, maka tradisi keberanian revolusioner juga merupakan unsur menentukan dalam kehidupan kaum intelektual Indonesia.

d) sebagai intelektual Indonesia, tempatnya adalah pertama-tama sebagai manusia Indonesia, sebagaimana budaya Indonesia. Manusia budaya Indonesia berada dalam jajaran Dunia Ketiga, sedang Dunia Ketiga ada kerana diperhadapkan dengan Barat. Kaum intelektual Indonesia yang terlepas dari hubungan dengan Dunia Ketiga dan terlepas dari perhadapannya dengan Barat sebagai produk sejarah akan kehilangan sebagian dari kemampuan penalarannya yang objektif, kerana mereka tanpa sedarnya akan terlepas dari ikatan sejarah, ikatan pengalamannya sendiri.

e) Barat menjadi bongkak kuasa, bongkak kemajuan dan bongkak kemakmuran sehingga menjadi seperti sekarang ini dengan produk terbaiknya dalam bentuk demokrasi parlimentar dan hak asasi adalah atas biaya seluruh Dunia Ketiga, termasuk Indonesia.

Maka dari pengalaman sejarah ini, kita punya hak menuntut dari Barat pertanggung jawaban moral dengan konsekuensinya yang wajar dan manusiawi. Kaum intelektual Indonesia kerananya diajak pertanggungan jawaban historis.

Atas dasar ini, Barat sudah sepatutnya melepaskan pandangan menara-gadingnya yang menganggap haknya bahwa Dunia Ketiga harus menjadi pengikutnya. Sebaiknya Barat merobohkan menara gadingnya dan menggantinya dengan pengertian yang lebih manusiawi dalam membantu Dunia Ketiga untuk menjadi dirinya sendiri. Dengan robohnya menara gading itu pula, bisa diharapkan Barat melepaskan pandangan. Baratnya dan standar Baratnya dalam menilai Dunia Ketiga dengan perkembangannya.

f) Kaum intelektual Indonesia dalam berlatih memperkuat keberanian intelektual dan keberanian moral juga dituntut untuk selalu membikin perhitungan dengan masa lalunya sebagai bangsa, belajar untuk menghadapi Barat bukan sebagai superior, tetapi sebagai lembaga yang dalam beberapa abad belakangan ini menerima piutang paksa dari Dunia Ketiga. Kaum intelektual Indonesia, sebagai manusia budaya Indonesia sudah sepatutnya mempunyai keberanian intelektual dan keberanian moral terhadap Barat untuk menuntut dari Barat segala yang terbaik dan berguna, teknologi dan sains, bukan sebagai hadiah kemanusiaan seperti halnya dengan Van Deventer dengan politik etiknya, tetapi semata-mata kerana dengan kebudayaan purbanya, dengan budaya sukunya yang kalah dan dikalahkan, dengan budaya Indonesia yang baru seumur jagung, terutama juga dengan budaya Barat.

Praktiknya, terus-menerus yang menjamin lahirnya *kedibyaan (genialitas)* sehingga keintelektualan bukan tinggal jadi atribut sosial, tapi faaliah, fungsional, dan membikinnya patut jadi penalaran dan nurani nasion.

g) Akibat dari sikap yang diambil terhadap Barat membikin kaum intelektual Indonesia tidak bisa lain pada menata kembali dan mengorganisasi secara sedar perasaan pikirannya dalam membangun lebih lanjut budaya Indonesia dalam segala aspeknya justru di sini peran yang menentukan kaum intelektual Indonesia.

h) Kekuatan peradaban barat yang mampu berkembang dan bertahan berabad dalam sejarah umat manusia sudah sepatutnya dipelajari secara kritis. Pemberiannya pada umat manusia tak terhingga banyaknya. Sebaliknya kerasakan yang diakibatkannya pada Dunia Ketiga juga tak terhingga banyaknya. Kita tahu bahwa kekuatannya terletak pada kekuatannya individu Barat, sedang pada gilirannya individu Barat diasuh oleh demekrasinya dan diayomi (dibantu) oleh hak-hak asasinya, yaitu individu yang oleh Chairil Anwar dinyanyikannya sebagai *aku.....yang dari kumpulannya terbuang*, kerana menolak pembebekan (sifat mengekor). Dari pelajaran Barat, Indonesia juga bisa kuat dengan individu manusia Indonesia yang kuat, sehingga dalam konteks pembicaraan kita menjadilah *aku.....yang dengan kumpulannya berpadu*, yang untuk itu telah disediakan pegangan dan medan oleh Pancasila.

i) Terhadap Dunia Ketiga sebagai jajaran sendiri, sebagai seperasaian (mempunyai nasib sama) dalam sejarah, sebagai rakan seiring dalam memecahkan masalah-masalah yang diwariskan oleh kesamaan historis, menanggalkan sikap tak acuhlan yang terkunci, sedang pandangan bahwa diri lebih maju dari yang lain adalah suatu kemewahan. Kesepakatan antara Dunia Ketiga akan mempercepatkan lahirnya kesatuan bahasa. Pengalaman berabad dalam praktik *devide et impera (pecah dan perintah)* Barat bukan tidak menjadi watak peradaban dalam menghadapi dunia non-Barat. Kerana itu semangat Dunia Ketiga, atau yang pernah juga disebut semangat Asia-Afrika, kemudian menjadi semangat Asia-Afrika-Amerika Latin, bukan semestinya menjadi semakin pudar untuk kerugian Dunia Ketiga. Sukarno

telah melampaui masanya waktu ia — bukan sekedar gagasan mencuba mewujudkan Ganefo dan Conefo, tetapi dalam situasi dunia sekarang ini dengan masalah Timur-Barat, Utara-Selatan, Dunia Ketiga-dunia selebihnya yang semakin akut dengan semakin mengecilnya dunia kita, keseiaan Dunia Ketiga jelas merupakan kebutuhan. Sekalipun, ya, sekalipun, perkembangan Dunia Ketiga dalam dasawarsa terakhir memerlukan batasan dan rumusan baru.

j) Peran kaum intelektual Indonesia sudah jelas. Gagasan perjuangan untuk melahirkan bangsa Indonesia diawali oleh mereka dengan kesadaran akan komitmennya dengan bangsanya, dengan kejelian dan kopiawaiannya tentang perang bangsanya. Gagasan dan praktik terus-menerus melahirkan Indonesia merdeka. Dengan praktik intelektual keintelektualan menjadi kuat, dengan praktik otot (tenaga), otot menjadi kuat. Seindah-indah gagasan yang tidak dicuba-wujudkan oleh otot dan dengan otot akan berubah menjadi roh-roh yang gentayangan (berkeliaran) — roh jahat yang menjadikan orang jadi munafik.

k) Kaum intelektual, sebagai nalar dan nurani nasion, adalah berkasta Brahmin dalam pengertian moden. Dan moden selalu senyawa dengan demokratis, dengan, demikian kehilangan kedudukannya dari hierarki Hindu. Faal bernolar, berpikir dengan inteleknya secara alami, tidak beza dari fungsi-fungsi kasta lain dalam masyarakatnya, yakni melakukan proses bio-kimia. Tetapi proses biokimia yang tahu paran. Untuk bisa tahu tentang paran sebelumnya, orang dituntut tahu tersangkarnya, tentang asalnya, tentang historinya.

---

* Ini adalah petikan dari teks ceramah Bapak Pram di Universitas Indonesia (Jakarta) atas undangan Senat Mahasiswa UI. Setelah ceramah ini disampaikan, beberapa pemimpin mahasiswa telah ditahan selama beberapa hari; penerbit buku-buku Pram, Bapak Joesoef Isak — seorang bekas tapol — juga telah ditahan sehingga kini, sedangkan Bapak Pram sendiri telah disoalsiasat tiap-tiap hari selama beberapa minggu.

CENDEKIAWAN TANPA PENDIRIAN

Satu hari nanti
cendekiawan tanpa pendirian
dari tanahairku
akan dipersoalkan
oleh rakyat kita
yang terdaif

Mereka akan ditanya
tentang peranan mereka
ketika bangsa mereka mati
perlahan-lahan
semacam api comel,
yang kecil dan sepi

Tiada siapa yang ingin tanya
tentang gaya pakaian mereka
rihat panjang mereka
selepas makan tengahari,
tiada seorangpun yang ingin tahu
tentang perjuangan kosong mereka
terhadap 'konsep kekosongan'
tiada siapa yang pedulikan
pengetahuan kewangan mereka yang hebat;
Mereka tidak akan ditanya
tentang cerita dongeng Yunani,
ataupun kebencian diri mereka
bila salah satu dari mereka
mula menemui ajal
kematian pengecut.
Mereka tidak akan ditanya
mengenai alasan mereka
yang bacul,
yang lahir dalam bayangan
penipuan menyeluruh.

Pada hari itu,
orang biasa akan datang,
Mereka yang tidak pernah dapat tempat
dalam buku dan puisi
cendekiawan tanpa pendirian,
tapi sentiasa sediakan
roti dan susu,
apom dan telur,
mereka yang jahit baju mereka,
yang bawa kereta mereka,
yang jaga anjing
serta pokok bunga mereka
dan melayan mereka.
Dan mereka akan bertanya:
'Apa telah kau buat ketika
mereka yang miskin menderita,
ketika kasih sayang dan nyawa
hangus dalam diri mereka?'

Cendekiawan tanpa pendirian
dari tanahairku yang indah,
anda pasti tak dapat jawab.

Burung nazar sunyi
akan makan ususmu.
Penderitaanmu
akan sedut jiwamu.
Kau akan bisu
kerana malu.

Otto Rene Castillo
(bahasa asal: Sepanyol)

BUKU INSAN

1.	**BRITISH MALAYA** **An Economic Analysis** (Li Dun Jen)	$6.00
2.	**THE SUN ALSO SETS** **Lessons in 'Looking East'** *(2 ed.)* (ed. Jomo)	$20.00
3.	**MASALAH SOSIO-EKONOMI MALAYSIA** (ed. Jomo K.S. & Ishak Shari)	$6.00
4.	**DESIGNER GENES** **I.Q., Ideology & Biology** (ed. Chee Heng Leng & Chan Chee Khoon)	$6.00
5.	**APAKAH DASAR EKONOMI DAPAT MENCAPAI PERPADUAN KEBANGSAAN** *(2 ed.)* **Pembangunan & Ketidaksamaan Selepas Merdeka** (Ishak Shari & Jomo K.S.)	$3.00
6.	**EARLY LABOUR** *(out of stock)* **Children at Work on Malaysian Plantations** (Jomo K.S., Josie Zaini, P.Ramasamy, Sumathy Suppiah)	$2.00
7.	**MERDEKA!** **British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1946-1957** (Khong Kim Hoong)	$10.00
8.	**THE INDIAN POOR** *(Tamil – 2 ed.)* **Problems & Solutions**	$3.00
9.	**BERSAMA RAKYAT** **Gerakan Mahasiswa 1967-74** (ed. Hassan Karim & Siti Nor Hamid)	$3.00
10.	**WITH THE PEOPLE!** **The Malaysian Student Movement 1967-74** (ed. Hassan Karim & Siti Nor Hamid)	$3.00
11.	**IMPERIALISM NO! DEMOCRACY YES!** **Student Movements in the ASEAN Region** (with the Asian Student Association)	$8.00
12.	**TAPI JEPUN ADA DI UTARA** *(telah habis dijual)* (ed. Mohd. Nasir & Jomo K.S.)	$2.00
13.	**BUKU SEJARAH DUNIA MODEN** *(Kartun)*	$8.00
14.	**DASAR EKONOMI MAHATHIR** *(2 ed.)*	$8.00
15.	**PAGAR MAKAN PADI!** *(cetakan ke2)* **Amanah, Kemiskinan & Kekayaan Dalam Pembangunan Malaysia Di Bawah DEB** (Ozay Mehmet)	$10.00

16. **LOGGING IN SARAWAK** *(ed. 2)* — $2.00
The Belaga Experience

17. **SHAMSUL DI KILANG IKAN** — $3.00
Meena : Anak Gadis Estet
(Buku Kartun Dengan Dua Kisah)

18. **SHAMSUL & THE ICE-CRUSHING MACHINE** — $3.00
Meena : A Plantation Child Worker
(Cartoon Book With Two Stories)

19. **BMF : The PEOPLE'S BLACK PAPER** *(out of stock)* — $2.00

20. **CAN THE NEP ACHIEVE NATIONAL UNITY?** *(Chinese)* — $3.00

21. **PENDIDIKAN DI DUNIA KETIGA** — $2.00
HIKAYAT HAWA : SEJARAH WANITA
(Kartun)

22. **MALAYSIAN STUDENT ACTIVISM, 1967-74** *(Chinese)* — $4.00
(ed. Hassan Karim & Siti Nor Hamid)

23. **PAGAR MAKAN PADI : DEB MALAYSIA** *(Chinese)* — $8.00
(Ozay Mehmet)

BUKU WIRA KARYA:

1. **BUMI MANUSIA** — $15.00
(Pramoedya Ananta Toer)

2. **ANAK SEMUA BANGSA** — $15.00
(Pramoedya Ananta Toer)

3. **JEJAK LANGKAH** — $15.00
(Pramoedya Ananta Toer)

4. **MEREKA YANG TERBIAR** — $6.00
(Hasnul Hadi)

5. **TEMBANG JALAK BALI** — $6.00
The Song of the Starling
(Putu Oka Sukanta)

6. **BUMI MANUSIA** *(Chinese)* — $5.00
(Pramoedya Ananta Toer)

BUKU IKRAQ:

1. **ISLAM, POLITICS AND THE STATE** — $6.00
(ed. Asghar Khan)

Dua sasterawan Nusantara agung yang tidak perlu diperkenalkan Usman Awang dan Pramoedya Ananta Toer — pernah mengulas soal sikap, peranan dan tanggungjawab intelektual dalam masyarakat.

Kedua-dua ucapan penting mereka ini masih amat relevan dan dimuatkan dalam risalah ini bersama beberapa sajak berkaitan oleh Usman Awang dan Otto Rene Castillo, seorang penyair Amerika Latin yang terkorban di tanahairnya dalam perjuangan menentang pemerintahan kukubesi yang didukung oleh imperialisma Amerika Syarikat.

UNIVERSITY OF MALAYA
The Leader in Research & Innovation
University of Malaya Library
www.umlib.um.edu.my
PERPUSTAKAAN